



**FINAL EXAMINATION**  
**MARCH 2023**

---

<b>COURSE TITLE</b>	<b>BAHASA KEBANGSAAN A</b>
<b>COURSE CODE</b>	<b>MPU3213</b>
<b>DATE/DAY</b>	<b>20 JUNE 2023 / TUESDAY</b>
<b>TIME/DURATION</b>	<b>09:00 AM - 11:00 AM / 02 Hour(s) 00 Minute(s)</b>

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES:**


1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 7 Printed Pages including front page)

**\*\*\*DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO\*\*\***

Jawab SEMUA soalan dan tuliskan jawapan dalam kertas jawapan yang disediakan.  
[30 MARKAH]

Pilih dan tuliskan jawapan yang paling TEPAT. (10 Markah)



1. Padanan yang **BETUL** bagi P, Q dan R ialah \_\_\_\_\_.

	P	Q	R
A.	Austroasia	Austronesia	Melanesia
B.	Austris	Austronesia	Austroasia
C.	Austronesia	Polinesia	Melanesia
D.	Austris	Mikronesia	Austronesia

2. Penggunaan bahasa Melayu dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi pada hari ini membuktikan bahawa bahasa Melayu dapat memenuhi fungsi sebagai \_\_\_\_\_.

- A. bahasa komunikasi
- B. bahasa rasmi
- C. bahasa moden
- D. bahasa ilmu

3. Apakah jenis bunyi pada suku kata akhir bagi kata-kata yang berhuruf condong dalam ayat di bawah?

Sambil bersantai di tepi *pantai* mereka *bergurau* senda dan menikmati angin *sepoi-sepoi* bahasa.

- A. Vokal
- B. Rima
- C. Konsonan
- D. Diftong

4. Ejaan yang **BETUL** ialah \_\_\_\_\_.

- A. eksklusif
- B. boucher
- C. catit
- D. burniputera

5. Batu-batu bersurat di Kedukan Bukit, Talang Tuwo, Kota Kapur dan Karang Brahi ditulis dalam bahasa \_\_\_\_\_.

- A. Melayu Kuno
- B. Melayu klasik
- C. Melayu moden bahasa
- D. Melayu zaman peralihan

6. Apakah tujuan sesuatu mesyuarat diadakan?

- I Bertukar-tukar fikiran dan pendapat serta mendapatkan idea yang baru
- II Memberi atau mendapatkan maklumat daripada pelbagai pihak
- III Mencari penyelesaian kepada masalah-masalah bersama
- IV Mencari persetujuan dan membuat keputusan atas sesuatu tindakan

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. II, III dan IV
- D. Semua di atas

7. Antara yang berikut, yang manakah ayat yang menepati pola FN+FK?

- I Abang Rahim tukang gunting yang terkenal sejak dahulu.
- II Anak perempuan Pak Samad baru pulang dari luar negara.
- III Ibu pejabat syarikat bapa saya di bandar raya Kuala Lumpur.
- IV Bapa saudara Ramli sedang berehat di bawah pokok jambu.

- A. I dan III
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. II dan IV

8. Petikan di bawah menepati bentuk wacana jenis \_\_\_\_\_.

Wanita yang ditemui itu berseluar biru, memakai kemeja berlengan panjang, berambut pendek, berkulit cerah, bertahi lalat di bawah bibir, memakai kasut hitam bertumit tinggi, memakai kaca mata hitam, dan beg tangan berjenama *Christine de Or*.

- A. eksplanatori
- B. deskriptif
- C. argumentatif
- D. naratif

9. Padanan yang manakah **BETUL** mengenai fungsi bahasa Melayu?
- A. Bahasa perpaduan disalurkan melalui Perkara 152 Perlembagaan Malaysia.
  - B. Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu melalui menulis undang-undang dan peraturan negara.
  - C. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan melalui perancangan korpus dan taraf bahasa.
  - D. Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi melalui catatan dalam semua rekod kerajaan.
10. Ayat yang manakah menunjukkan penggunaan kata hubung yang **BETUL**?
- A. Dia bukan sahaja rajin lalu baik orangnya.
  - B. Saya atau dia yang kamu mahu?
  - C. Kakak saya mendapat pujian sebab kerajinannya.
  - D. Kamal dan Faiz dan Fahmi bersahabat baik.
11. Yang **SALAH** mengenai ciri-ciri laras bahasa sastera ialah \_\_\_\_\_.
- A. menggunakan bahasa yang ringkas dan bersahaja.
  - B. bersifat imaginatif dan figuratif iaitu penyimpangan daripada bahasa biasa.
  - C. bahasa yang terhasil daripada cetusan imaginasi dan pengalaman penulis.
  - D. menggunakan perlambangan, kiasan, metafora dan sebagainya.
12. Kesemua penduduk di negara yang berikut menggunakan bahasa Melayu **KECUALI** \_\_\_\_\_.
- A. Formosa
  - B. Filipina
  - C. Aceh
  - D. India
13. Ciri-ciri cerpen yang **SALAH** ialah \_\_\_\_\_.
- A. Tema- sesuatu yang menjadi dasar dalam sesuatu cerita.
  - B. Latar- suasana bagi plot cerita itu berkembang.
  - C. Gaya bahasa- unsur-unsur nilai murni dalam sesebuah cerpen.
  - D. Konflik- pertentangan antara dua pihak dalam satu urutan plot.
14. Syair ialah \_\_\_\_\_.
- A. puisi Melayu lama yang berangkap yang setiapnya mengandungi empat baris ayat.
  - B. puisi moden yang lebih bebas bentuknya.
  - C. rangkaian kata yang telah tersimpul atau terbeku dengan susunan khas.
  - D. bahasa kiasan yang sudah mantap dari segi bentuk bahasa dan maknanya.

15. Ayat yang manakah menunjukkan kesantunan berbahasa?

- A. Ali sedang kencing di dalam tandas.
- B. Halimah sudah berbadan dua.
- C. "Kamu sangat baik" kata Kim Sew kepada cikgunya.
- D. "Dia dianugerahkan gelaran Dato' Seri semalam" kata Bashir kepada Ahmad.

16. Kata majmuk ialah kata yang terbentuk daripada dua atau lebih \_\_\_\_\_.

- A. kata tunggal
- B. frasa
- C. klausa
- D. suku kata

17. Kata yang manakah mengandungi diftong?

- I Kedai
  - II Boikot
  - III Baik
  - IV Raut
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. III dan IV
  - D. I dan IV

18. Apakah peribahasa yang sesuai dengan keazaman yang tinggi dan tidak mudah mengaku kalah dalam melakukan sesuatu kerja?

- I Alang-alang berdakwat biar hitam
  - II Genggam bara api biar sampai jadi arang
  - III Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya
  - IV Biar putih tulang, jangan putih mata
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

19. Pilih perkataan yang mengandungi bunyi diftong pada bahagian tengah perkataan.

- A. Belaian
- B. Ghairah
- C. Kemaafan
- D. Pengecualian

20. Pilih ayat yang menggunakan kata kerja dengan **BETUL**.

- A. Kesihatan nenek semakin beransur.
- B. Surat itu telah saya menjawabnya.
- C. Guru saya pernah menerangkan tentang riwayat hidup tokoh itu.
- D. Hafsham pernah mengarahkan drama komedi situasi yang popular itu.

**Baca petikan di bawah dan jawab soalan yang dikemukakan.**

**(10 markah)**

Usia persaraan kakitangan awam di negara kita merupakan salah satu yang terendah di dunia. Pada mulanya kakitangan awam wajib bersara pada usia 55 tahun. Kemudian, usia ini ditingkatkan menjadi 56 tahun, 58 tahun, dan kini ditingkatkan lagi menjadi 60 tahun. Namun begitu, bukan semua kakitangan awam bersyukur dengan peningkatan usia persaraan ini. Setiap tahun, ratusan kakitangan awam membuat permohonan untuk bersara lebih awal. Rata-rata, gangguan kesihatan merupakan alasan utama kakitangan awam memilih untuk meninggalkan perkhidmatan kerajaan sebelum tiba usia persaraan wajib. Tidak kurang pula yang memberikan alasan gangguan emosi yang menyebabkan mereka tidak mampu memberikan perkhidmatan yang bermakna kepada masyarakat.

Keperluan untuk memperoleh pendapatan merupakan dorongan utama bagi seseorang individu untuk bekerja. Gaji yang diperoleh itu mungkin amat penting ketika seseorang itu masih muda dan baru memulakan keluarga. Namun begitu, setelah bekerja lebih kurang dua puluh tahun, setelah memiliki semua yang diperlukan dan setelah anak-anak mula berdikari, **dorongan untuk memperoleh pendapatan mungkin sudah kendur**. Ketika itulah kebosanan terhadap pekerjaan akan mula bercambah. Ada masanya anak-anak sendiri akan meminta orang tua mereka bersara awal. Hal ini amat benar terutama sekali sekiranya anak-anak berjawatan tinggi atau mempunyai perniagaan yang menjanjikan pulangan yang amat lumayan. Dalam situasi seperti itu, ada penjawat awam yang tidak tahan menghadapi desakan berterusan daripada anak-anak dan mengambil keputusan untuk bersara awal.

Sementara itu, terdapat sekelompok lagi kakitangan awam yang kecewa dengan pendapatan mereka yang jauh lebih rendah berbanding dengan pendapatan yang ditawarkan oleh pihak swasta. Oleh itu, mereka mengambil keputusan untuk meninggalkan perkhidmatan awam dan berpindah ke sektor swasta. Selain menikmati faedah kewangan yang lebih menguntungkan, mereka **juga tertarik dengan wajah bahan dalam sistem kerja** yang mencirikan sektor swasta itu.

Sebenarnya, keputusan untuk berkhidmat atau bersara merupakan hak peribadi seseorang insan. Namun begitu, sikap sesetengah penjawat awam yang sanggup membelakangkan kepentingan perkhidmatan terhadap rakyat semata-mata kerana ingin mengejar kekayaan yang dijanjikan oleh pihak swasta agak mengiklankan. Mereka lupa bahawa sektor awam adalah yang telah memberikan asas kepada mereka untuk memulakan kerjaya dan keluarga suatu ketika dahulu. Segala pengalaman dan kepakaran yang ada pada mereka juga diperoleh melalui perkhidmatan awam.

(Dipetik dan diubah suai daripada "Pencen dan Pancit" oleh Hamin Satar, 2008)

1. Jelaskan maksud frasa bagi:

- a) ...dorongan untuk memperoleh pendapatan mungkin sudah kendur. (2 markah)

b) ...tertarik dengan wajah bahan dalam sistem kerja. (2 markah)

c) Apakah mesej yang ingin disampaikan oleh penulis melalui petikan di atas?  
(6 markah)

**Jawab SEMUA soalan yang berikut. (10 Markah)**

1. Struktur penulisan yang baik perlu mempunyai satu penetapan tema, tajuk atau idea utama kerana ia dapat menentukan hala tuju sesebuah penulisan. Setelah itu, perancangan dibuat dengan teliti melalui pembacaan bahan atau sumber rujukan yang berkaitan dengan idea utama yang ingin diketengahkan kepada umum.

a) Nyatakan **TIGA (3)** perkara penting yang perlu ada dalam sesebuah struktur penulisan. (3 markah)

b) Berikan **DUA (2)** teknik yang boleh digunakan semasa menulis perenggan pengenalan atau pendahuluan. (2 markah)

2. Petikan yang berikut merupakan satu perenggan penulisan rencana.

*"Perkembangan dunia materialistik meninggalkan kesan yang amat besar terhadap perasaan, pemikiran dan sikap manusia. Generasi hari ini merupakan golongan bertuah yang tidak pernah melalui saat-saat getir semasa negara kita dijajah, terheret ke dalam peperangan, dan manusia merana tanpa makanan. Oleh itu, kebanggaan terhadap tanah air, semangat patriotisme dan cinta akan negara dalam kalangan mereka agak tipis berbanding dengan generasi terdahulu. Oleh itu, tidaklah menghairankan sekiranya sesetengah ahli sukan era ini **bersikap acuh tak acuh** ketika membawakan cabaran negara ke persada antarabangsa. Mereka tidak menunjukkan semangat juang yang kental dan kesanggupan untuk berkorban jiwa dan raga demi kemegahan nusa dan bangsa".*

a) Nyatakan definisi rencana. (1 markah)

b) Bincangkan **TIGA (3)** ciri-ciri penulisan sebuah rencana yang baik. (3 markah)

c) Makna lain bagi frasa *bersikap acuh tak acuh* ialah \_\_\_\_\_. (1 markah)



## FINAL EXAMINATION MARCH 2023

---

<b>COURSE TITLE</b>	<b>BAHASA KEBANGSAAN A</b>
<b>COURSE CODE</b>	<b>MPU3213</b>
<b>DATE/DAY</b>	<b>20 JUNE 2023 / TUESDAY</b>
<b>TIME/DURATION</b>	<b>09:00 AM - 11:00 AM / 02 Hour(s) 00 Minute(s)</b>

---

### INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 3 Printed Pages including front page)

**\*\*\*DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO\*\*\***



Kertas soalan ini mengandungi DUA (2) bahagian. Jawab SEMUA soalan pada bahagian A dan B. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.

[30 MARKAH]

**BAHAGIAN A**

(10 Markah)

Anda dikehendaki untuk menulis sebuah esei dengan satu perenggan pendahuluan, dua perenggan isi penting dan huraian serta satu perenggan penutup. Panjang esei anda ialah tidak melebihi **DUA RATUS LIMA PULUH (250)** patah perkataan. Tajuk esei adalah seperti yang berikut.

*Saban tahun, kerajaan membelanjakan jutaan ringgit untuk menghantar pelajar-pelajar kita menuntut ilmu di luar negara. Namun begitu, sebahagian daripada mereka enggan kembali ke tanah air selepas menamatkan pengajian mereka. Pada pendapat anda, mengapakah hal ini terjadi? Huraikan punca-punca pelajar Malaysia lebih berminat bekerja di luar negara berbanding dalam negara.*

**BAHAGIAN B**

(20 Markah)

Anda dikehendaki untuk menjawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Lori yang sudah tua itu kedengaran mengaum terus. Badannya terhuyung-hayang mengikut rentak jalan raya kampung. Tidak lama kemudian, lori itu berhenti di tebing sungai. Kedua-dua anak muda itu turun. Mereka berjalan ke hala seorang anak yang sedang menunggu di bawah lindungan bayangan seponon kayu.

1. Laras bahasa sastera menggunakan bahasa yang direka sendiri mengikut pengalaman sendiri atau imaginasi.

a) Jelaskan ciri-ciri laras bahasa sastera? (2 markah)

b) Daripada petikan di atas, jelaskan maksud personifikasi frasa *lori yang sudah tua*. (1 markah)

c) Adakah laras bahasa sastera sama dengan laras bahasa pengiklanan? Jelaskan jawapan anda. (2 markah)

2. Berdasarkan kajian, bahasa Melayu dipercayai berasal dari rumpun bahasa Austronesia.

a) Jelaskan keluasan rumpun Austronesia dan ciri-ciri manusianya. (2 markah)

b) Nyatakan **DUA (2)** abang keluarga bahasa Austronesia Timur. (2 markah)

- c) Bahasa Melayu terletak dalam keluarga bahasa Nusantara. Apakah contoh bahasa Lain yang terdapat keluarga bahasa Nusantara. (1 markah)
3. Prinsip sebutan bahasa Melayu ditandai dengan bunyi vokal, konsonan dan diftong.
- a) Berapakah bilangan vokal asli bahasa Melayu? (1 markah)
- b) Bagaimanakah proses pengujaran bunyi fonem vokal? (2 markah)
- c) Nyatakan **DUA (2)** contoh perkataan yang mengandungi vokal depan luas. (1 markah)
- d) Apakah fonem vokal belakang sempit? (1 markah)
4. Taklimat merupakan pengucapan yang memerlukan kemahiran berkomunikasi yang tinggi. Lazimnya, taklimat digunakan untuk menyatakan objektif dan rancangan kepada sasaran yang tertentu.
- a) Berdasarkan pendapat anda, jelaskan persediaan yang perlu dilakukan sebelum mengadakan taklimat kepada sasaran anda. (3 markah)
- b) Terangkan **DUA (2)** prinsip-prinsip taklimat yang perlu dipatuhi. (2 markah)
5. Bagaimanakah anda menjelaskan makna kata *kecil* yang digunakan dalam ayat-ayat yang berikut? (5 markah)
- a) Dia paling *kecil* dalam keluarganya.
- b) Jalan *kecil* itu tidak boleh dilalui oleh kenderaan yang berat.
- c) Koleksi barang peribadinya tidak muat untuk disimpan di dalam almari *kecil* itu.
- d) Ada beberapa masalah *kecil* yang perlu diselesaikan sebelum pelan itu diluluskan.
- e) Perkara-perkara *kecil* tidak dibincangkan dalam mesyuarat itu.